

Perspektif Pelajar Terhadap Kurikulum Sejarah Peringkat Menengah di Malaysia

¹Khairul Ghufuran Kaspin, ²Mansor Mohd Noor, & ³Mohd Mahzan Awang

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Malaysia

^{2, 3}Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

¹ghufuran@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti perspektif pelajar terhadap kurikulum sejarah peringkat menengah dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar terhadap kefahaman mereka tentang mata pelajaran sejarah yang telah dipelajari. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan kajian tinjauan sebagai reka bentuk kajian. Pemilihan responden pula adalah seramai 400 ratus pelajar yang dipilih secara rawak dari empat fakulti terpilih yang dikategorikan sebagai fakulti A, B, C, dan D. Setiap 100 orang responden dipilih dari setiap fakulti dan pemilihan responden dikategorikan mengikut etnik masing-masing seperti Melayu, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, Cina dan India. Kaedah kajian kuantitatif digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan borang soal selidik. Data dan analisis kajian ini dinilai dan disemak terlebih dahulu oleh individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang berkaitan. Data kajian yang diperolehi dihurai dalam bentuk peratus dan analisis varians. Hasil kajian mendapati semua responden yang terlibat dalam kajian ini mencatat peratus melebihi 50% untuk kesemua etnik. Bagi etnik Melayu, Bumiputera Sabah dan Sarawak, peratus yang dicatat melebihi 60% manakala bagi etnik bukan Bumiputera seperti Cina dan India, peratus yang dicatat kurang dari 60%. Kajian ini mendapati faktor-faktor seperti etnik dan agama menunjukkan perbezaan yang signifikan kepada responden yang memberikan perspektif mereka terhadap kurikulum sejarah dan faktor-faktor seperti jantina, tahun pengajian dan fakulti pula tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, perseptif pelajar terhadap kurikulum sejarah peringkat menengah adalah baik. Namun, hasil dapatan ini perlu ditingkatkan lagi agar minda generasi muda terus terbina dengan kukuh terhadap kefahaman mereka tentang sejarah negara. Ditambah lagi dengan komposisi penduduk di Malaysia yang berbilang etnik.

Kata Kunci: Etnik dan sejarah negara, mata pelajaran Sejarah

Pengenalan

Dalam sistem pendidikan negara, mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar. Tidak kira latar belakang sosial mahupun etnik seseorang pelajar itu, semuanya tidak terkecuali untuk mengambil mata pelajaran Sejarah. Begitu juga bagi pelajar yang datang dari aliran sains tulen atau sastera wajib mengambil mata pelajaran Sejarah. Mulai tahun 2013, mata pelajaran Sejarah adalah antara mata pelajaran yang wajib lulus bagi semua pelajar sekolah menengah di Malaysia yang mengambil Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) (Azmy, 2011).

Umum mengetahui mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran yang menekankan peristiwa-peristiwa lampau yang telah berlaku di Malaysia dan boleh dijadikan tauladan kepada generasi akan datang. Merujuk kepada penulisan sejarah buku teks untuk pelajar sekolah di Malaysia, sejarah negara telah didokumentasikan dari zaman penjajahan yang berlaku dalam negara, kesusahan yang dihadapi oleh masyarakat semasa zaman darurat, peristiwa kemerdekaan negara dan banyak lagi peristiwa penting negara yang wajar sekali dipelajari dan diambil iktibar oleh para pelajar sekolah (Ahmad Saufi, 2010).

Dari sudut perpaduan, mata pelajaran sejarah di sekolah merupakan sebuah medium penyatuan pelbagai etnik di Malaysia. Mata pelajaran Sejarah itu sendiri merupakan sebuah set rujukan yang menggambarkan tentang peristiwa yang berlaku pada suatu ketika dahulu yang membuktikan etnik-etnik di Malaysia bersama-sama bersatu dan berjuang. Mereka sanggup mengenyahkan kepentingan etnik dan individu demi kesejahteraan masa depan negara dan rakyat. Ini menunjukkan bahawa mata pelajaran Sejarah sangat penting kepada generasi muda Malaysia yang berbilang etnik dalam membangkitkan semangat cinta akan negara selain menanam kesedaran bahawa perlunya semangat perpaduan antara satu sama lain agar kesilapan yang pernah dilakukan pada masa lalu tidak diulangi kembali (Aminuddin, 2011). Memetik kata-kata seorang ahli falsafah, George Santayana (1998: 284) mengenai sejarah "...mereka yang tidak mengingati kesilapan masa lalu pasti akan mengulanginya kembali..."

Justeru, kajian makalah ini ingin mendapatkan perspektif pelajar terhadap kurikulum sejarah peringkat menengah yang pernah mereka pelajari sepanjang lima tahun mereka di sekolah menengah. Perspektif mereka adalah sebagai maklum balas kepada sistem pendidikan sejarah di negara kita agar ia sentiasa dinilai mengikut perubahan masa.

Kurikulum Sejarah di Malaysia

Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), Sejarah adalah mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar sekolah secara berterusan selama lima tahun. Dari segi matlamatnya, pengajaran mata pelajaran ini bertujuan untuk memupuk dan memperkukuhkan semangat kesetiaan kepada negara dan bangsa menjadi warganegara Malaysia. Bersesuaian dengan demografi Malaysia yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum, pendidikan sejarah di Malaysia juga bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan cintakan bangsa dan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002: 3).

Kedudukan mata pelajaran sejarah yang telah dinaiktaraf menjadi mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) menunjukkan pengiktirafan kerajaan terhadap peranan mata pelajaran sejarah dalam pembinaan generasi muda dan pembangunan jati diri pelajar, dengan objektif agar pelajar memiliki pengetahuan berkaitan perkembangan pembinaan negara bangsa, perpaduan kaum dan memahami peristiwa-peristiwa sejarah menggunakan perspektif yang betul dan tepat, berimajinasi dan berfikir untuk mendapatkan kebenaran serta mengetahui latar belakang sesuatu kejadian (Anuar, 1997).

Dalam konteks pengajaran mata pelajaran Sejarah di Malaysia, terdapat beberapa perkara yang memainkan peranan penting menentukan hasil atau matlamat pendidikan berkenaan tercapai.

Antaranya ialah kandungan buku teks, pedagogi, penggunaan sumber, kemahiran guru serta sikap pelajar sendiri. Di peringkat paling asas, kandungan buku teks adalah penting kerana ia dianggap sebagai tunjang kepada pengajaran mata pelajaran Sejarah. Kedudukan buku teks Sejarah sekolah menengah adalah unik kerana penerbitannya dikawal sepenuhnya oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kawalan juga dilakukan terhadap penggunaan buku teks sejarah di semua sekolah (Mohd & Shahizan, 2012).

Pengajaran ini dibahagikan kepada dua tahap iaitu peringkat sekolah menengah rendah dan peringkat sekolah menengah atas. Pendidikan Sekolah Menengah Rendah (SMR) adalah selama tiga tahun bermula dari tingkatan satu hingga tiga. Manakala pengajaran peringkat Sekolah Menengah Atas (SMA) pula adalah selama dua tahun iaitu bermula di tingkatan empat dan berakhir di Tingkatan lima (Mohd & Shahizan, 2012).

Kajian Terhadap Kurikulum Sejarah di Malaysia

Kurikulum mata pelajaran sejarah telah mengalami perubahan yang pesat sejak zaman penjajah sehinggalah negara mencapai kemerdekaan. Peranan dan kepentingan sejarah dalam memenuhi aspirasi dan hasrat negara tidak dapat dinafikan. Ini terbukti apabila mata pelajaran ini dijadikan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid di sekolah menengah pada tahun 1989 apabila KBSM dilaksanakan (Zuraini et al., 2011).

Semakan kurikulum pada tahun 2000 telah memberi keutamaan kepada sejarah tempatan yang ditulis dari persektif penulis tempatan. Matlamat utama pendidikan sejarah di peringkat sekolah menengah seperti yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991) adalah untuk memupuk semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia tanpa ada halangan perkauman. Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air, para pelajar akan dapat memahami keadaan dan latar belakang masyarakat dan negara dalam mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan terhadap masyarakat dan negara sebagai satu unit tunggal, mewujudkan ingatan bersama terhadap sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan memperkukuhkan semangat cintakan tanah air (Zuraini et al., 2011). Penyemakan semula kurikulum sejarah KBSM tahun 2000 bertujuan memantapkan Akta Pendidikan 1996, memenuhi semangagt Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan menyediakan warga Malaysia untuk menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21. Kurikulum sejarah KBSM pada umumnya menitikberatkan sejarah dan kepentingan negara mengikut acuan Malaysia (Siti Haishah, 2011).

Tahun 2003 merupakan tahun terakhir penggunaan kurikulum lama sejarah. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah menyemak semula kurikulum sejarah dan berusaha meningkatkan lagi keberkesanan mata pelajaran ini sesuai dengan kehendak semasa. Kurikulum Sejarah peringkat SMR dan SMA diwujudkan agar asas pengetahuan, nilai murni, kemahiran belajar dan pengalaman yang diperoleh dapat diperkukh dan diperkembang. Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) sejarah seharusnya sesuatu yang hidup dan boleh menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003).

Objektif Kajian

Mata pelajaran sejarah merupakan antara medium yang paling berkesan dalam usaha untuk membina bangsa Malaysia yang bersatu di kalangan generasi muda. Mata pelajaran sejarah juga adalah penting dalam membina jati diri yang kukuh. Justeru, kajian ini ingin menilai perspektif pelajar terhadap kurikulum sejarah peringkat menengah di Malaysia yang pernah dipelajari mereka. Objektif-objektif kajian disenaraikan satu-persatu seperti:

- i) Mengetahui persepsi pelajar terhadap kurikulum sejarah sekolah menengah.
- ii) Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar terhadap kefahaman mereka tentang sejarah negara.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini memilih bentuk kajian tinjauan sebagai reka bentuk kajian. Borang soal selidik dijadikan sebagai alat untuk mengumpulkan data. Hal ini kerana ciri-ciri yang terdapat di dalam kajian tinjauan sangat sesuai digunakan sebagai kaedah kajian ini. Menurut Chua (2006), kajian tinjauan sangat popular dalam kalangan pengkaji sains sosial kerana ciri-cirinya yang bersesuaian dengan keadaan bidang kajian sains sosial itu sendiri. Ciri-cirinya termasuklah pertanyaan soalan yang menyeluruh dalam pelbagai aspek, cara pengendalian yang digemari seperti penggunaan borang soal selidik, justeru data dapat dipungut dengan cepat, saiz sampel yang besar, maklumat yang terus dari responden dan keupayaan keputusan untuk digeneralisasi dengan tepat dan berkesan.

Pemilihan Responden

Sebagai perincian untuk responden yang menyertai kajian ini pula, seramai 400 ratus orang responden dipilih secara rawak mengikut kategori fakulti. Mereka yang dipilih adalah dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Fakulti-fakulti yang dipilih adalah sebanyak empat fakulti yang dikategorikan sebagai Fakulti A, B, C dan D. 100 orang responden dipilih dari setiap fakulti. Pemilihan responden dipecahkan kepada kategori etnik. Kategori etnik tersebut adalah Melayu, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, Cina dan India. Mereka yang dipilih sebagai responden adalah dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda tahun satu, dua, tiga dan empat sahaja.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian kuantitatif dipilih untuk penyelidikan ini. Data kuantitatif yang diperolehi melalui kajian ini ditulis secara deskriptif atau dalam bentuk peratusan berdasarkan bentuk soalan dalam soal selidik. Seterusnya, data yang diperolehi melalui peratusan itu akan dianalisis dalam bentuk jadual, rajah atau perkiraan statistik. Untuk memahami maksud kaedah kajian kuantitatif secara asas, ia boleh dirujuk kepada istilah 'kuantiti', yang membawa maksud banyak atau bilangannya lebih daripada satu. Berdasarkan kepada istilah kuantiti, penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data yang berasaskan nombor (Chua, 2006).

Bagi Othman (2007: 6), beliau berpendapat bahawa kajian kuantitatif berlandaskan kepada pemikiran positivisme yang dikuasai oleh bidang pengukuran, pengoperasian definisi, pengujian hipotesis dan statistik. Bagi Mok (2010: 21) pula, beliau berpendapat kajian kuantitatif memfokuskan kajian yang memudahkan kefahaman terhadap perkara atau situasi yang kompleks melalui kaedah saintifik.

Kajian Rintis

Kajian rintis boleh diibaratkan sebagai sebuah kajian secara kecil-kecilan yang dilakukan terlebih dahulu sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis yang dijalankan tidak dapat memastikan kejayaan kajian utama, tetapi ia boleh membantu pengkaji mengenal pasti tahap kebolehlaksanaan atau kemunasabahan kajian utama yang akan dijalankan (Chua, 2006). Di sudut yang lain pula, kajian rintis dapat membantu penyelidik mengetahui maklum balas responden terhadap soalan-soalan yang diajukan kepada mereka (Marican, 2009). Kajian rintis telah dijalankan selama satu minggu bermula 29 April 2013 hingga 5 Mei 2013.

Kajian Lapangan

Kajian lapangan sebagai proses mengumpulkan data untuk kajian ini telah pun dijalankan selama tiga minggu. Ia bermula pada 6 Mei 2013 dan berakhir pada 26 Mei 2013. Seperti yang telah dinyatakan, lokasi yang dipilih sebagai tempat kajian adalah di empat fakulti di UKM iaitu Fakulti A, B, C dan D. Sepanjang kajian lapangan dijalankan, responden-responden yang menjawab borang soal selidik telah memberikan kerjasama yang sangat baik kepada penyelidik. Justeru, data yang dapat dikumpulkan melalui borang soal selidik adalah sangat memuaskan hati penyelidik.

Penilaian Kajian

Kajian ini dinilai dan disemak oleh pakar agar segala data, analisis dan faktanya tepat. Pakar-pakar yang menyemak adalah terdiri daripada individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan Sejarah dan Sosiologi.

Dapatan Kajian

Untuk bahagian dapatan kajian, huraian dipecahkan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah dapatan kajian yang dihurai dalam bentuk peratus. Bahagian kedua pula adalah dapatan kajian yang dihurai dalam bentuk analisis varians.

Huraian dalam bentuk peratus dihurai kepada dua jadual. Jadual pertama mengenai isi kandungan buku teks sejarah dan jadual kedua mengenai kaedah yang sering digunakan oleh guru. Bagi huraian untuk jadual analisis varians, jadual dihurai dari sudut perbezaan antara etnik, jantina, tahun pengajian, jenis fakulti dan agama.

Peratus

Jadual 1 menunjukkan peratus yang diambil adalah berdasarkan kepada maklum balas responden yang memberikan jawapan setuju dalam borang soal selidik. Pernyataan dalam Jadual 1 mengenai isi kandungan buku teks sejarah tingkatan satu hingga lima.

Jadual 1 Isi kandungan buku teks sejarah tingkatan satu hingga lima

Pernyataan	Setuju (%)				
	Melayu	Bumiputra Sabah	Bumiputra Sarawak	Cina	India
1. Isi kandungan mata pelajaran Sejarah dari Tingkatan 1 hingga 5 menceritakan sejarah negara yang sebenar.	42	32	41	22	36
2. Tokoh-tokoh yang memperjuangkan semangat kebangsaan dan kemerdekaan adalah terdiri dari tokoh pelbagai etnik.	75	74	76	77	71
3. Mata pelajaran Sejarah menggambarkan peranan yang dimainkan oleh pelbagai etnik di Malaysia.	75	68	74	51	62
4. Sejarah Kesultanan Melayu Melaka dipaparkan sebagai tamadun agung bangsa Melayu.	85	93	88	71	74
5. Sejarah kepelbagaian agama di Malaysia diterangkan dengan jelas.	54	56	44	38	59
6. Sejarah tamadun dunia meluaskan lagi pengetahuan pelajar mengenai apa yang berlaku diluar Malaysia.	73	80	78	62	69
7. Sejarah Sabah dan Sarawak sangat penting dalam menerangkan mengapa negeri-negeri Borneo tersebut menjadi sebahagian dari Malaysia.	81	90	78	75	81
8. Kandungan buku teks Sejarah menerapkan unsur pembinaan satu Bangsa Malaysia.	59	49	49	42	48
9. Kandungan buku teks Sejarah adalah medium perpaduan kaum yang berkesan.	50	46	49	36	43
10. Pembinaan identiti kebangsaan banyak diterapkan di dalam mata pelajaran Sejarah.	61	64	41	47	55
11. Toleransi kaum banyak diterangkan di dalam buku teks Sejarah.	59	54	41	37	43
12. Mempelajari sejarah dapat menaikkan semangat patriotik.	72	78	71	56	62
Jumlah Keseluruhan	786	784	730	614	703
Min	66	65	61	51	59

Sumber Data kajian lapangan 2013

Jadual 1 menunjukkan jumlah keseluruhan yang diperolehi menunjukkan responden dari etnik Melayu mencatat jumlah purata keseluruhan paling tinggi yang menyatakan setuju untuk bahagian ini sebanyak 66%. Manakala etnik Cina mencatat jumlah purata keseluruhan paling rendah berbanding etnik-etnik lain sebanyak 51%. Perbezaan purata untuk bahagian ini adalah sebanyak 14% antara peratus yang paling tinggi dari etnik Melayu berbanding peratus yang paling rendah dari etnik Cina.

Bahagian seterusnya adalah mengenai kaedah yang sering digunakan guru ketika mengajar di dalam kelas. Jadual 2 menunjukkan peratus yang diambil adalah berdasarkan kepada maklum balas responden yang menjawab pernah dan sering dilakukan oleh guru.

Jadual 2 Kaedah yang sering digunakan oleh guru

Pernyataan	Responden yang memilih 'Pernah dan Sering Dilakukan Oleh Guru' (%)				
	Melayu	Bumiputra Sabah	Bumiputra Sarawak	Cina	India
1. Selain menggunakan buku, guru menggunakan video dan gambar sebagai alat bantu mengajar.	32	24	27	16	31
2. Kaedah guru mengajar di dalam kelas adalah guru membaca dan pelajar menyalin nota.	61	68	49	71	45
3. Guru memberikan kerja sekolah dan ianya sangat membantu pelajar memahami mata pelajaran Sejarah.	57	59	42	27	48
4. Jumlah kerja sekolah yang diberikan guru sangat berpatutan bagi pelajar memahami mata pelajaran Sejarah.	53	54	42	28	45
5. Guru mengadakan aktiviti seperti melawat tempat-tempat bersejarah dan melawat muzium.	21	22	29	10	17
6. Guru mengadakan aktiviti lakonan di dalam kelas agar pelajar menjiwai semangat tokoh negara.	18	15	7	8	21
7. Menjelang tarikh keramat 31 Ogos, guru meminta kelas dihias bertemakan kemerdekaan agar suasananya dapat dirasakan.	69	68	73	64	69
8. Sebelum memulakan sesi pembelajaran, semua pelajar diminta berdiri dan menyanyikan lagu patriotik.	24	20	15	21	21
Jumlah Keseluruhan	335	330	284	245	297
Min	42	41	36	31	37

Sumber Data kajian lapangan 2013

Jadual 2 menunjukkan jumlah keseluruhan yang diperolehi menunjukkan etnik Melayu mencatat jumlah purata keseluruhan responden yang memilih pernah dan sering dilakukan oleh guru tertinggi sebanyak 42% dan etnik Cina mencatat jumlah purata keseluruhan paling rendah sebanyak 31%. Perbezaan purata untuk bahagian ini adalah sebanyak 11% peratus.

Analisis Varians

Menurut Palaniappan (2009: 185), ANOVA bermaksud satu analisis statistik parametrik yang menggunakan varians untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan antara dua purata atau lebih kumpulan. ANOVA terbahagi kepada tiga jenis seperti *one-way*, *two-way* dan *three-way* ANOVA. Analisis kajian ini menggunakan *one-way* ANOVA atau ANOVA sehala. ANOVA sehala digunakan dalam kajian ini kerana ia sesuai untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tiga atau lebih kumpulan terhadap satu pembolehubah bersandar yang berskala interval.

Jadual 3 Perbezaan antara etnik

Pembolehubah	Frekuensi (<i>n</i>)	Min	Sisihan Piawai	<i>F</i>	Sig- <i>F</i>
Etnik				6.923**	.000
Melayu	192	28.23	7.003		
Cina	83	33.12	6.545		
India	42	30.79	8.126		
Bumiputra Sarawak	41	30.61	7.832		
Bumiputra Sabah	41	27.07	6.743		
Lain-lain	1	29.00	-		

** Korelasi adalah signifikan pada tahap .01 (2-hujung)

Berdasarkan Jadual 3, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara etnik dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia yang diambil sebagai responden kajian ini ($F = 6.923, p < .01$).

Jadual 4 Perbezaan antara jantina

Pembolehubah	Frekuensi (<i>n</i>)	Min	Sisihan Piawai	<i>t</i>	Sig- <i>t</i>
Jantina				2.011	.045
Lelaki	144	30.63	7.974		
Perempuan	256	29.09	6.968		

Berdasarkan Jadual 4, hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan di Universiti Kebangsaan Malaysia yang diambil sebagai responden ($t = 2.011, p > .01$). Purata skor bagi pelajar lelaki ialah 30.63, manakala purata skor bagi pelajar perempuan ialah 29.09. Semakin rendah skor menunjukkan semakin tinggi skor etos bangsa. Ini membuktikan bahawa pelajar perempuan mempunyai tahap etos bangsa yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki.

Jadual 5 Perbezaan antara tahun pengajian

Pembolehubah	Frekuensi (n)	Min	Sisihan Piawai	F	Sig-F
Tahun Pengajian				1.959	.120
Satu	133	28.88	6.606		
Dua	103	30.83	8.336		
Tiga	100	30.10	7.991		
Empat	64	28.58	5.917		

Berdasarkan Jadual 5, hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahun pengajian dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia yang diambil sebagai responden ($F = 1.959, p > .01$).

Jadual 6 Perbezaan antara jenis fakulti

Pembolehubah	Frekuensi (n)	Min	Sisihan Piawai	F	Sig-F
Fakulti				2.280	.079
A	100	28.23	7.982		
B	100	29.30	7.056		
C	100	30.36	7.966		
D	100	30.67	6.199		

Berdasarkan Jadual 6, hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis fakulti dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia yang diambil sebagai responden ($F = 2.280, p > .01$).

Jadual 7 Perbezaan antara agama

Pembolehubah	Frekuensi (n)	Min	Sisihan Piawai	F	Sig-F
Agama				5.185**	.000
Islam	226	28.50	7.302		
Hindu	39	30.69	8.137		
Buddha	73	32.82	6.721		
Kristian	60	29.42	6.941		
Lain-lain	2	28.00	1.414		

** Korelasi adalah signifikan pada tahap .01 (2-hujung)

Berdasarkan Jadual 7, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara perbezaan agama dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia yang diambil sebagai responden ($F = 5.185, p < .01$).

Perbincangan

Perbincangan dari sudut isi kandungan buku teks yang dihurai dalam bentuk peratus, item-item yang digunakan dalam bahagian ini adalah mengenai rangkuman topik-topik utama yang diketengahkan dalam sukatan buku teks mata pelajaran Sejarah dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Secara puratanya, responden dari kalangan etnik Melayu telah mencatat peratus yang paling tinggi sebanyak 66% berbanding etnik-etnik lain. Manakala peratus purata yang paling rendah pula sekali lagi dicatat oleh responden dari kalangan etnik Cina sebanyak 51%. Hasil dapatan kajian ini boleh dikatakan kefahaman etnik Melayu terhadap mata pelajaran Sejarah yang dipelajari di sekolah agak tinggi berbanding etnik-etnik lain. Hal yang sama juga dapat dilihat dalam kajian Haishah (2011). Kajian beliau mendapati persepsi responden Melayu dan bukan Melayu adalah sangat berbeza yang mana peratus responden Melayu akan melebihi bukan Melayu.

Seterusnya mengenai bahagian yang membincangkan tentang kaedah yang digunakan oleh guru ketika mengajar di dalam kelas. Jawapan untuk bahagian ini juga mempunyai kaitan yang rapat dengan pengalaman responden ketika belajar mata pelajaran Sejarah di sekolah menengah. Justeru, bahagian ini mempunyai sedikit perbezaan di mana data yang diperolehi digunakan sebagai cadangan untuk memperbaiki kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru ketika mengajar mata pelajaran Sejarah ketika di dalam kelas dan bukannya digunakan untuk membuat kajian atau dianalisis semata-mata. Banyak kajian mendapati bahawa sikap guru di dalam kelas amat penting dalam memberi kefahaman yang menyeluruh kepada pelajar. Dalam kajian Siti Rohah (1998), Mohamad Sultan (2000) dan Soo (2000) mendapati bahawa pengajaran Sejarah amat bergantung kepada sikap, kemahiran dan pengetahuan guru itu sendiri.

Berdasarkan peratus yang diperolehi, kesemua responden dari etnik yang berbeza yang memilih jawapan pernah dan sering dilakukan oleh guru dengan catatan di bawah 45%. Sungguhpun begitu, responden dari kalangan etnik Melayu mencatat peratus purata yang paling tinggi sebanyak 42%. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan kaedah yang dirasakan agak efektif untuk digunakan oleh guru semasa mengajar di dalam kelas bukannya kaedah pilihan guru ketika mengajar di dalam kelas. Berkaitan dengan kaedah pengajaran guru di dalam kelas, Hadiah (1997) menyatakan bahawa pencapaian pelajar dan kemahiran guru berkait rapat dalam mencapai pendidikan yang berkualiti.

Manakala berdasarkan data yang dianalisis dalam bentuk analisis varians, faktor-faktor seperti etnik dan agama menunjukkan perbezaan yang signifikan. Justeru, kajian ini jelas menunjukkan bahawa kefahaman responden terhadap apa yang mereka pelajari dalam mata pelajaran sejarah sangat dipengaruhi oleh faktor etnik dan agama. Manakala faktor-faktor seperti jantina, tahun pengajian dan fakulti pula tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Dari segi jantina, kajian Haishah (2011) juga menunjukkan jantina tidak mempengaruhi kefahaman pelajar dalam memahami mata pelajaran sejarah.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Haishah (2011) yang mengkaji mengenai pencapaian pelajar pelbagai etnik untuk mata pelajaran sejarah, beliau mengatakan etnik bukan faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar untuk mata pelajaran sejarah. Hal ini berbeza dengan hasil kajian ini yang mendapati etnik adalah faktor yang mempengaruhi kefahaman pelajar untuk mata pelajaran

Sejarah. Bezanya beliau (Haishah 2011) mengkaji pencapaian manakala kajian ini mengkaji perspektif.

Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa persektif pelajar terhadap kurikulum Sejarah peringkat menengah adalah baik. Hasil dapatan kajian mendapati isi kandungan yang terdapat dalam buku teks Sejarah sekolah menengah di negara ini dapat diterima generasi muda. Namun usaha untuk mempertingkatkan lagi kefahaman generasi muda terhadap kurikulum mata pelajaran Sejarah negara haruslah kreatif dalam menggunakan kaedah pengajaran dalam kelas. Kaedah yang digunakan harus dikemaskini selalu agar selari dengan perbezaan waktu dan bertepatan dengan generasi Y yang sering terdedah dengan teknologi terkini. Guru harus membiasakan diri dengan penggunaan alat bantu mengajar yang cenderung kepada teknologi terkini agar minat untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah dapat ditanam dalam jiwa pelajar. Selain itu, kajian ini mendapati faktor-faktor seperti etnik dan agama menunjukkan perbezaan yang signifikan kepada responden yang memberikan perspektif mereka terhadap kurikulum sejarah. Manakala faktor-faktor seperti jantina, tahun pengajian dan fakulti pula langsung tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam memberikan perspektif mengenai kurikulum sejarah.

Rujukan

- Ahmad Saufi Mansor. (2010, 25 Oktober). Subjek sejarah lebih seronok. *Harian Metro*, .
<https://www.hmetro.com.my/node/195208>
- Aminuddin Mansor. (2011, 15 September). Pendidikan Sejarah pengukuh patriotisme. *Harian Metro*, . <https://www.hmetro.com.my/node/857>
- Anuar Mohamed. (1997). *Modul Kursus Perguruan Lepas Ijazah: Sejarah*. Seremban: Maktab Peguruan Raja Melewar.
- Azmy Mohamed. (2011, 29 Ogos). Format baru pentaksiran SPM sejarah. *Utusan Malaysia*, .
http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0829&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm
- Chua, Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Buku 1, Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: The McGraw-Hill Companies.
- Hadihah Senin. (1997). *Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran sejarah*. Kertas projek Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1991). *Laporan kajian kedudukan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah di sekolah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Sejarah Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Laporan kajian tentang isu kurang minat murid terhadap mata pelajaran sejarah di sekolah berprestasi rendah SPM 2002*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin. (2012). Pendidikan dan pengajaran mata pelajaran sejarah di sekolah di Malaysia. *Jurnal Jebat*, 39, 116-141.

- Faudjar, Mohamad Sultan. . (2000). *Kualiti pengajaran sejarah di sebuah sekolah menengah daerah Sabak Bernam*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mok, Soon Siang. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan, Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kuantitatif, Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Palaniappan, A. K. (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Siti Haishah Abdul Rahman. (2011). Pencapaian akademik dan etnisiti: satu kajian bagi mata pelajaran sejarah di Malaysia. Dlm. Abdul Razaq Ahmad & Anuar Ahmad (pnyt.). *Pendidikan & Hubungan Etnik*, hlm. 271-306. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Rohah Abdullah. (1998). *Sikap guru dalam pengajaran sejarah*. Kertas projek Sarjana. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Soo, Hoo Soon teng. (2002). *Keberkesanan pengajaran guru sejarah dan hubungkaitnya dengan prestasi pencapaian murid*. Tesis Sarjana. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Marican, S. (2009). *Penyelidikan Sains Sosial, Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves: Edusystem Sdn. Bhd.
- Santayana, G. (1998). *The life of reason*. Ulang cetak. New York: Prometheus Book.
- Zuraini Husain, Ahmad Rafaai Ayudin & Abdul Razaq Ahmad. (2011). Elemen hubungan antara kaum melalui buku teks sejarah sekolah menengah atas di Malaysia. Dlm. Abdul Razaq Ahmad & Anuar Ahmad (pnyt.). *Pendidikan & Hubungan Etnik*, hlm. 235-244. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.